

27 MAR 2001

MAHATHIR-LANGKAH-LANGKAH

K'JAAN AMBIL LANGKAH BERJAGA-JAGA UNTUK HADAPI KELEMBAPAN EKONOMI AS

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dijangka memberi kesan ke atas eksport dan prospek pertumbuhan negara dan ini telah mendorong kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga bagi memapankan momentum pertumbuhan.

Beliau berkata antara langkah-langkah itu termasuklah meningkatkan perangsang fiskal sebanyak RM3 bilion lagi sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang telah diluluskan di bawah Belanjawan 2001.

Ini boleh meningkatkan lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.1 mata peratusan, kata perdana menteri pada persidangan akhbar yang diadakan di Parlimen di sini hari ini.

Memandangkan kelembapan ekonomi AS lebih teruk daripada yang dijangkakan, kerajaan akan meminda pertumbuhan KDNK iaitu tujuh peratus tahun ini kepada lima atau empat peratus.

Walaupun dengan pemindaan angka pertumbuhan ini, Malaysia masih lagi mendahului negara-negara lain, kata beliau.

Dr Mahathir berkata projek-projek baru telahpun dikenalpasti untuk dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Beliau juga berkata kerajaan akan mengendalikan perlaksanaan projek-projek prasarana dan utiliti utama yang terdahulu seperti projek empangan hidro-elektrik Bakun.

Satu "flying squad" telah diwujudkan di Kementerian Kewangan bagi memantau perlaksanaan projek-projek baru dan projek-projek yang telah diluluskan, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah lain ialah meningkatkan lagi penggunaan yang menyaksikan caruman pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikurangkan sebanyak dua peratus (daripada 11 peratus kepada sembilan peratus) untuk tempoh satu tahun, berkuatkuasa pada 1 April tahun ini.

Bagi menggalakkan lagi penjualan kenderaan penumpang, beliau berkata kakitangan kerajaan layak mendapatkan pinjaman kenderaan setiap lima tahun berbanding tujuh tahun pada masa ini dan mereka layak mendapat pinjaman setelah berkhidmat selama satu tahun.

Kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan kad kredit dengan melupuskan cukai RM50 ke atas kredit kad, yang diperkenalkan dalam tahun 1997.

Perdana menteri berkata untuk mengurangkan lebih hartanah, insentif-insentif yang disediakan semasa kempen pemilikan rumah akan ditawarkan semula dengan serta-merta, sementara pihak-pihak berkuasa pula tidak akan meluluskan sebarang pembinaan baru ruang pejabat dan komersil.

Dr Mahathir berkata perubahan-perubahan akan dibuat ke atas Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) berkaitan dengan ekuiti asing di samping pemilikan hartanah dan aset oleh orang asing.

Beliau berkata bagi meneruskan dasar kewangan yang terbuka, institusi-institusi kewangan perlu mencapai pertumbuhan pinjaman tahunan 8.0 peratus.

Dalam pada itu, Bank Negara Malaysia akan menyemak kembali tahap siling semasa bagi pembelian saham dan amanah saham, kata Dr Mahathir.

Bagi menggalakkan pembiayaan industri kecil dan sederhana (IKS), dana untuk makanan akan ditambah sebanyak RM300 juta kepada RM1.3 bilion, kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata yang Tabung Usahawan Baru (NEF) akan ditambah sebanyak RM250 juta kepada RM1.5 bilion sementara Dana SMI akan digandakan kepada RM400 juta.

Perdana menteri berkata sebuah Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (ERDF) dengan jumlah RM500 juta akan diperkenalkan.

Langkah-langkah juga akan diambil bagi menggalakkan sektor perkhidmatan, terutamanya pelancongan, di samping mempromosikan Lapangan Terbang Antarabangsa KL sebagai pusat rantau dan menggalakkan lebih banyak penggunaan pelabuhan-pelabuhan, kata beliau.

Dr Mahathir menambah kerajaan akan terus mengekalkan tambatan ringgit-dolar AS pada RM3.80. -- BERNAMA

SHO MKO FR AA